



**KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI TERKINI JANGKITAN
2019 *NOVEL CORONAVIRUS* (2019-nCoV) DI MALAYSIA**

VIDEO KONFERENS BERSAMA MENTERI KESIHATAN SINGAPURA

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan satu sesi 'video conference' dua hala melibatkan Menteri Kesihatan Malaysia dan Singapura telah diadakan pada petang ini.
- Ia disertai oleh para pegawai kanan Kementerian dari kedua-dua belah pihak.
- Perbincangan berkisarkan kepada situasi semasa kejadian jangkitan 2019-nCoV di Malaysia dan Singapura, serta langkah-langkah yang sewajarnya dilaksanakan bagi menangani kejadian jangkitan berkenaan khususnya melalui pengukuhan kerjasama sediaada.
- Melalui sesi perbincangan tersebut, beberapa perkara sebagaimana berikut telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak:
 - Menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja Bersama yang diterajui oleh Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia dan Singapura.
 - Objektif penubuhannya adalah bagi memperkukuhkan pelbagai usaha merentasi sempadan kedua-dua negara dan dipersetujui secara bersama.

- Para pegawai kanan dari Malaysia dan Singapura akan bekerjasama dan meneruskan perbincangan dalam masa terdekat bagi mengenalpasti terma rujukan bagi Jawatankuasa Kerja Bersama.
- Fokus kerjasama dua hala itu adalah seperti berikut:
 - a. Perkongsian maklumat dalam bidang kesihatan awam, perubatan, dan penyelidikan bagi memastikan penularan jangkitan 2019-nCoV ditangani secara berkesan.
 - b. Saringan dan Pengurusan kes rentas sempadan Malaysia-Singapura
 - c. Penyeragaman indikasi bagi penggunaan ubat anitiviral kepada pesakit yang disahkan positif 2019-nCoV.
- Mengenalpasti pegawai yang bertanggungjawab (*contact person*) di kedua-dua kementerian bagi tujuan komunikasi berkenaan pengurusan kes 2019-nCoV dan pengesanan kontak rapat.

STATUS TERKINI JANGKITAN 2019-nCoV DI MALAYSIA

- KKM ingin memaklumkan bahawa **TIADA** kes baru dilaporkan pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes 2019-nCoV yang dilaporkan sehingga hari ini **KEKAL** sebanyak **18 kes**;
 - **Lapan (8)** kes dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI) jangkitan 2019-nCoV
 - **Lapan (8)** kes dalam kalangan kontak rapat
 - **Dua (2)** kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dengan Misi Bantuan Kemanusiaan.
- Daripada jumlah tersebut juga:

- Dua belas (12) kes adalah warganegara China
 - Enam (6) orang adalah warganegara Malaysia.
- Daripada dua belas (12) kes positif dalam kalangan warganegara China, tiga (3) kes telah discaj daripada wad.
 - Mereka telah menjalani ujian pengesanan ulangan 2019-nCoV dan didapati negatif sebanyak dua (2) kali berturut-turut.
 - Sehingga kini, aktiviti pengesanan kontak rapat masih diteruskan lagi bagi mengenalpasti kontak rapat kepada kes.
 - Sebanyak 106 kontak rapat telah dikenalpasti dan jumlah ini akan bertambah sehingga pengesanan kontak rapat ini selesai.
 - 60 kontak rapat ini terdiri daripada warganegara Malaysia
 - 46 lagi terdiri daripada warganegara China.
 - Kesemua kontak rapat yang telah dikesan ini, telah diambil sampel dan diletakkan di Perintah Pengawasan dan Pemerhatian.
 - KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO.
 - Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih

YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD

Menteri Kesihatan Malaysia

10 Februari 2020